

Melayu mesti jadi teras dan tunjang kerajaan campuran — Dr. M

UM - 10 DEC 1990

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Orang-orang Melayu, melalui UMNO, mestilah menjadi teras dan tunjang kerajaan campuran di negara ini untuk memastikan kerajaan yang teguh dan kuat, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri mengingatkan sebuah kerajaan campuran tidak boleh kukuh dan kekal jika tidak ada sebuah parti yang boleh menjadi teras kepadanya.

"Jika semua parti dalam kerajaan campuran sama kuat, re-

butan untuk mendapat tempat pertama akan berlaku. Dan ini sudah tentu akan menjadikan kerajaan campuran berkenaan tidak stabil dan lemah," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan dasarnya merasmikan Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menolak anggapan bahawa orang Melayu berniat menguasai orang-orang lain.

"Jika kita berminat, UMNO

tidak akan meletakkan hanya 84 calon sedangkan kawasan yang menjadi majoriti Melayu adalah 96. Kita rela mengorbankan 12 kerusi kerana kita tidak tamak," katanya.

Namun begitu, tegasnya, orang-orang Melayu melalui UMNO mestilah menjadi teras dan tunjang bagi Kerajaan Malaysia.

"Rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional harus faham mengapa UMNO perlu menjadi teras BN dan kerajaan," ujarnya.